

17/06/1997

Projek diserahkan kepada swasta

ISTANBUL, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan cadangan projek membina jambatan menyeberangi Selat Melaka menyambungkan Semenanjung dan Sumatera akan dilaksanakan oleh syarikat swasta.

"Kerajaan tidak akan ambil bahagian. Kalau mampu, pihak swasta bolehlah bina. Begitu juga projek lain. Kita serah kepada swasta. Pihak swasta lebih cekap mengenai cara membangun dan mendapat hasil daripadanya," kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia, di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto yang antara lain menyentuh soal cadangan pembinaan jambatan itu.

"Kita ada cadangan membina sebuah jambatan menyeberangi Selat Melaka. Pemerintah Indonesia bersetuju, tinggal lagi kita hendak tentukan tempatnya.

"Kalau kita dapat bina jambatan ini, kita bukan saja dapat mengadakan hubungan kereta api dan kereta dari Sumatera ke Malaysia, kemungkinan menyalurkan elektrik dan mengadakan saluran paip. Jambatan itu akan dibentuk sekian rupa supaya kita boleh guna secara maksimum," katanya.

Ditanya adakah projek ini akan menjadi satu lagi projek mega untuk negara, Dr Mahathir berkata: "Ia bukan untuk negara saja. Saya kurang faham pasal projek mega ini. Kalau buat di negara lain, ia nampak kecil saja. Tetapi bila buat di Malaysia ia nampak besar. Kita buat ini dengan tujuan membangunkan negara dan rakyat."

(END)